

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

**TARIKH JAWAPAN : 8 APRIL 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah tahap kenaikan sumber campuran penjanaan tenaga kepada arang batu, kosnya, tapaknya kini dan akan datang, kesannya kepada alam sekitar, status tender di antara 1MDB dan YTL serta di manakah 2 buah pengeluaran tenaga nuklear akan ditempatkan dan kosnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa kini peratusan campuran penjanaan berasaskan arang batu menjangkau sehingga 43% pada akhir 2013. Penggunaan arang batu oleh loji yang sedia ada adalah hampir 20 juta tan setahun dan jumlah ini dijangka akan meningkat kepada 40 juta tan setahun pada tahun 2019 apabila loji-loji janakuasa berasaskan arang batu akan beroperasi sepenuhnya bagi memenuhi peningkatan dalam kadar permintaan tenaga di Semenanjung.

2. Bagi tahun 2013, kapasiti terpasang loji-loji janakuasa arang batu di Semenanjung Malaysia berjumlah 7,200 MW, terdiri daripada loji-loji berikut:

- i. TNB Janamanjung Sdn Bhd (2100 MW);
- ii. Tanjung Bin Power Sdn Bhd (2100 MW);
- iii. Kapar Energy Ventures Sdn Bhd (1600 MW); dan
- iv. Jimah Energy Ventures Sdn Bhd (1400 MW).

3. Kapasiti penjanaan melalui arang batu ini akan bertambah sebanyak 5,010 MW sehingga tahun 2019 dengan pembangunan projek-projek penjanaan seperti berikut:

- i. Manjung 4 (1 x 1010 MW) pada tahun 2015;
- ii. Tanjung Bin 4 (1 x 1000 MW) pada tahun 2016;
- iii. Manjung 5 (1 x 1000 MW) pada tahun 2017;
- iv. Bidaan 3B, 1 x 1000MW pada tahun 2018; dan
- v. Bidaan 3B, 1 x 1000MW pada tahun 2019.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi bidaan Projek 3B, berasaskan penilaian pematuhan kepada syarat-syarat tawaran pihak Suruhanjaya Tenaga telah menawarkan pihak 1MDB-Mitsui sebagai *Preferred Bidder* bagi melaksanakan projek loji janakuasa berasaskan arang batu dengan kapasiti 2 x 1000MW di Mukim Jimah, Negeri Sembilan, dengan kadar tarif 25.33 sen/kWj. Projek ini akan memulakan operasi komersial secara berperingkat pada 1 Oktober 2018 dan 1 April 2019, masing-masing.

5. Pada masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai penggunaan nuklear sebagai salah satu daripada bahanapi bagi penjanaan tenaga elektrik. Aktiviti yang sedang dilaksanakan pada

masa ini adalah tertumpu kepada kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan kesediaan negara, sekiranya sesuatu projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Sehubungan itu, sekiranya penjana kuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif.
